

05/09/2001

Atlit dituntut tunai amanat, harapan Dr Mahathir

Hussain Said

ATLIT yang menggalas cabaran negara pada Sukan Sea XXI-Kuala Lumpur 2001, bermula Sabtu ini dituntut bersikap serius dan berusaha menunaikan amanat serta harapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Chef de mission, Datuk Wira Mazlan Ahmad, berkata amanat dan harapan Perdana Menteri jelas kena pada masanya dan berharap atlit dapat merealisasikan harapannya itu.

"Amanat dan harapan beliau sungguh bererti dan tepat pada masanya. Kita harap ia akan menjadi suntikan moral dan bekalan terbaik kepada atlit sebelum bertarung pada temasya dwitahunan itu.

"Apa yang penting, saya harap atlit mesti serius dan berpegang kepada amanat dan harapan itu. Saya yakin sekiranya semua berjalan lancar, kita mampu melakar kegemilangan pada temasya kali ini," katanya selepas majlis penyerahan Jalur Gemilang kepada kontinjen negara oleh Perdana Menteri di Putrajaya semalam.

Hadir sama Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein, timbalannya, Datuk Ong Tee Keat serta Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tunku Imran Tuanku Ja'afar.

Dalam majlis itu, Dr Mahathir mahukan semua 557 atlit yang bertanding supaya memikul tanggungjawab mengharumkan nama negara dengan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kemenangan cemerlang.

Menurut Dr Mahathir, atlit terbabit harus ingat bahawa mereka adalah atlit Malaysia dan di bahu mereka terletak satu tanggungjawab besar memikul nama negara, bukan semata-mata mengejar kemenangan peribadi.

Tambah beliau, sebagai tuan rumah sudah tentu prestasi atlit tempatan lebih baik berbanding jika mereka bertandang ke negara lain, kerana seluruh rakyat akan memberi sokongan kepada mereka bagi mencapai kejayaan.

Bagaimanapun, katanya, apa yang lebih penting ialah sikap atlit itu sendiri supaya berasa bertanggungjawab terhadap prestasi masing-masing kerana mereka mewakili negara.

Sementara itu, beberapa atlit dan pegawai yang ditemui merumuskan amanat dan harapan Perdana Menteri itu mampu merangsang dan menyemarakkan semangat mereka menghadapi temasya serantau itu.

"Sebagai bekas seorang atlit, sepatutnya amanat dan harapan Perdana Menteri itu mampu mencetuskan rangsangan terbaik kepada atlit untuk membuktikan keupayaan masing-masing," kata jurulatih sepak takraw, Nordin Sabaruddin.

Pelumba basikal, Wong Ah Thiam, berkata amanat dan harapan tinggi Perdana Menteri itu tidak harus meletakkan atlit dalam situasi tertekan, sebaliknya harus menyahut dan berusaha menunaikannya.

(END)